

Pemimpin Sabah cuba contohi sejarah Bangladesh — Dr. M

17
KUALA LUMPUR, 17 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pemimpin Sabah cuba mengambil contoh sejarah Bangladesh untuk memisahkan Sabah dan Sarawak daripada Malaysia.

Beliau berkata, jika pemimpin Sabah membuat cadangan untuk memperkenalkan semula konsep Malaysia Timur, perkara itu seolah-olah nampak seperti mereka ingin mengambil contoh Bangladesh.

"Apakah dengan cadangan itu dia ingat hendak menjadi seperti Bangladesh, dia sendiri tahu sejarah Bangladesh bagaimana," katanya kepada para pemberita di sini hari ini setibanya daripada lawatan sehari ke Tawau, Sabah.

Beliau menyatakan demikian ketika ditanya mengenai cadangan Ketua Menteri Sabah, Dato' Pairin Kitingan su-

paya penggunaan perkataan Malaysia Timur bagi Sabah dan Sarawak diperkenalkan semula dan tidak lagi dikenali sebagai Sabah dan Sarawak.

Menurut sejarah, Bangladesh diwujudkan apabila berlakunya pemecahan Pakistan kepada dua iaitu Pakistan Barat dan Pakistan Timur.

Beranggapan

Perdana Menteri berkata, Pairin mencadangkan perkara itu semata-mata kerana beranggapan beliau boleh mengulangi sejarah Bangladesh.

Ditanya mengenai dakwaan pemimpin PBS bahawa UMNO menjadi dalang mendaftar pendatang tanpa izin di Sabah untuk mendapatkan kad pengenalan biru dan seterusnya akan dapat membantu UMNO dalam pilihan raya akan datang, Dr. Mahathir menjawab, "kita

mengsyaki PBS sebenarnya terlibat dalam perkara ini kerana kita tahu PBS yang mempunyai kepentingan".

Mengulas lawatannya ke Sabah, Perdana Menteri berkata, sekiranya tidak ada hasutan daripada mana-mana pihak di Sabah, Barisan Nasional (BN) akan diterima dengan baik oleh rakyat Sabah.

"Sambutan rakyat Sabah kepada kita adalah baik. Dalam perhimpunan yang diadakan lebih 250,000 orang keluar dengan penuh semangat," ujar beliau.

Tambah beliau, berdasarkan sambutan itu, rakyat Sabah sama seperti rakyat Malaysia lain yang mahukan keamanan dan pembangunan.

Beliau juga menyatakan, sambutan kepada UMNO juga begitu menggalakkan dan yakin UMNO boleh berkembang dengan baik di Sabah.

Tentang lawatan beliau ke

Ireland pada 22 September ini, Dr. Mahathir berkata, lawatan itu perlu kerana sebelum ini tidak wujud hubungan kerajaan dengan kerajaan antara kedua-dua negara.

"Ini lawatan pertama kali pemimpin Malaysia ke negara itu dan kita juga tidak mempunyai hubungan kerajaan dengan kerajaan Ireland sebelum ini.

Layanan

"Dalam masa yang sama ramai penuntut kita belajar di sana dan mereka menerima layanan yang baik terutama penuntut dalam bidang perubatan," kata Perdana Menteri.

Di samping itu katanya, Ireland merupakan negara yang sedia menerima penuntut negara ini termasuk untuk bidang perubatan sedangkan United Kingdom umpamanya tidak bersedia menerima penuntut Malaysia dalam bidang itu.